

# KANDUNGAN

	Muka surat
<b>PROFIL KORPORAT</b>	1
Visi	
Misi	
Nilai – Nilai Utama Pengurusan	
Fungsi- Fungsi Lembaga	
<b>PERUTUSAN PRESIDEN</b>	5
<b>TADBIR URUS DAN AHLI LEMBAGA</b>	11
Ahli –ahli Lembaga	
<b>CARTA ORGANISASI LEMBAGA</b>	16
<b>LEMBAGA DISIPLIN</b>	17
<b>LAPORAN JAWATANKUASA KERJA</b>	20
<b>LAPORAN KEWANGAN</b>	37
<b>AKTIVITI – AKTIVITI LEMBAGA</b>	63



# PROFIL KORPORAT





## PROFIL KORPORAT

Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang ditubuh pada 6 Februari 1981. Penubuhan LPPEH adalah di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242) untuk mengawalselia profesion Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah di Malaysia.

## VISI LPPEH

LPPEH berusaha menjadi badan kawal selia yang terunggul dalam profesion harta tanah.

## MISI LPPEH

Misi LPPEH adalah untuk mencapai kecemerlangan dalam penyampaian tanggungjawab sebagai sebuah badan profesional untuk melindungi kepentingan rakyat dan memenuhi kehendak pelanggan. Pencapaian ini dilaksanakan melalui tindakan berikut:

- a) Memastikan tadbir urus Lembaga Pengarah berkesan dari segi kepimpinan dan pengurusan.
- b) Memastikan rangka kerja pengawalseliaan dan prosesnya dilakukan secara adil, cekap dan berkesan.
- c) Menggalakkan hubungan kerjasama diantara *stakeholders* dengan organisasi berkaitan harta tanah bagi mencapai wawasan bersama.
- d) Menyokong pertumbuhan dan perkembangan kerjaya dalam profesion harta tanah.

- e) Menetapkan standard yang tinggi bagi rekabentuk dan penyampaian pendidikan dan latihan dalam bidang harta tanah.
- f) Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi warga LPPEH.

## **NILAI-NILAI UTAMA PENGURUSAN**

- a) Integriti
- b) Berilmu
- c) Akauntabiliti
- d) Berdaya saing
- e) Prihatin

## **FUNGSI-FUNGSI LEMBAGA**

Seksyen 10 Akta 242 memperuntukkan fungsi-fungsi LPPEH seperti berikut:

- (a) Menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah, suatu Daftar Penilai Percubaan dan Ejen Harta Tanah Percubaan dan suatu Daftar Firma;
- (b) Meluluskan atau menolak permohonan untuk pendaftaran di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242) atau meluluskan mana-mana permohonan itu tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkannya patut dikenakan;
- (c) Mengadakan tindakan tatatertib ke atas pelanggaran peruntukan Akta 242 dan etika kerja dari kalangan profesional berdaftar;

- (d) Mengadakan atau menyebabkan diadakan peperiksaan bagi orang-orang yang berhasrat hendak melayakkan diri untuk pendaftaran di bawah Akta 242;
- (e) Menetapkan dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri fi yang kena dibayar di bawah Akta 242 termasuk skel fi yang dikenakan oleh penilai, pentaksir atau ejen harta-tanah kerana nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan itu;
- (f) Mendengar dan memutuskan pertikaian berhubung dengan kelakuan atau etika professional Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dan menetapkan standard amalan profesional atau melantik suatu jawatankuasa atau seorang timbangtara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian;
- (g) Menentukan dan mengawal kelakuan dan etika profesional Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah;
- (h) Menganugerah biasiswa, bantuan atau derma kepada orang-orang yang menjalani kursus profesional dalam bidang penilaian dan/atau perejean harta tanah bagi menggalakkan profesionnya;
- (i) Melantik ahli Lembaga untuk menganggotai mana-mana Lembaga, jawatankuasa atau badan yang dibentuk berhubung dengan profesion itu atau yang berkaitan;
- (j) Meminjam atau mendapatkan wang untuk membeli atau memajak apa-apa harta tak alih yang dikehendaki oleh LPPEH dan melupuskan atau menguruskan harta itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh LPPEH;
- (k) Menetapkan kaedah mengenai pengambilan insurans tanggung rugi profesional bagi Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah terhadap apa-apa kelas liabiliti professional;

- (l) Menetapkan standard, arahan, surat pekeliling atau garis panduan untuk melaksanakan peruntukan Akta 242;
- (m) Melakukan segala tindakan, perkara dan benda-benda yang perlu untuk melaksanakan peruntukan Akta 242.

# PERUTUSAN PRESIDEN







## **PERUTUSAN PRESIDEN**

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah swt kerana Laporan Tahunan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2016 telah berjaya disempurnakan. Saya berharap semua maklumat yang dibentangkan dalam Laporan tahunan ini dapat memberi manfaat dan gambaran yang tepat terhadap rangka kerja Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH).

Segala pencapaian cemerlang LPPEH dalam tahun 2016 adalah hasil daripada komitmen dan profesionalisma semua ahli

LPPEH yang dedikasi terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Kepimpinan mereka menjadikan LPPEH sebuah agensi yang efisien dalam menerajui profesion harta tanah. Ahli-ahli sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan negara dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Secara berterusan, mereka memantau, menguatkuasakan dan membuat kajian semula keberkesanaan setiap praktis Penilaian, Pengurusan Harta dan Perejean Harta.

Setiap jawatankuasa yang ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi-fungsi LPPEH, diketuai dan dianggotai oleh ahli-ahli yang berminda positif, bersikap profesional dan berpandangan jauh. Mereka berusaha dan berjaya meningkatkan kemahiran dan kompetensi profesion penilaian, pengurusan harta dan perejean harta tanah ke arah keunggulan tanpa kompromi terhadap kualiti.

Sepanjang tahun 2016, LPPEH telah melaksanakan beberapa projek demi meningkatkan praktis Penilaian, Pengurusan Harta dan Perejean Harta dan diantaranya adalah:

### **Pendaftaran *Negotiator***

LPPEH telah meneruskan pendaftaran *negotiator* yang dimulakan pada tahun 2014. Ini bagi membendung amalan perejean harta tanah haram termasuk penipuan terhadap pembeli dan penjual sesuatu harta tanah. Dengan pendaftaran ini, *negotiator* dapat meningkatkan tahap profesionalisma mereka dengan diberi pendidikan mengenai perundangan dan peraturan dalam praktis perejean harta tanah. Dalam masa yang sama mereka diberi pendedahan mengenai amalan etika perejean harta tanah.

LPPEH meneruskan penganjuran '*Continuous Development Programme*' untuk melatih *negotiator* harta tanah bagi meningkatkan kemahiran dari segi pengetahuan teknikal dan undang-undang. Pada tahun 2016, program latihan ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- Kategori Satu (1) adalah bagi *negotiator* yang baru berkecimpung dalam praktis perejean harta tanah.
- Kategori Dua (2) adalah bagi *negotiator* yang telah mempunyai pengalaman melebihi dua (2) tahun.
- Kategori Tiga (3) adalah untuk *negotiator* yang telah menceburi bidang ini melebihi lima (5) tahun.

## **Cadangan Pindaan kepada Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242)**

Selaras dengan pembangunan negara dan transformasi profesion dalam bidang harta tanah, LPPEH telah mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta 242. Salah satu pindaan yang penting adalah membuka Daftar Praktis Pengurusan Harta sebagai Pengurus Harta Berdaftar.

Harapan saya dengan pendaftaran ini, dapat dibendung dan dikurangkan Pengurus Harta Tanah yang menjalankan amalan mereka tanpa lesen yang sah demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Selari juga dengan meliberalisasikan profesion Pengurusan Harta Tanah, turut dicadangkan pengurus harta yang mempunyai pengalaman dalam bidang ini ditawarkan untuk terus didaftar di bawah daftar baru tersebut.

Pada masa ini Akta 242 hanya memberi kuasa kepada seorang Penilai Berdaftar untuk menjalankan amalan pengurusan harta. Adalah menjadi harapan saya, agar Pengurus Harta yang berpengalaman tetapi tidak berdaftar mengambil kesempatan ke atas pindaan ini.

## **Standard Pengurusan Harta (Edisi 2016)**

Bagi memantapkan profesion pengurusan harta, LPPEH telah mengemaskini Standard Pengurusan Harta Terbitan 2010 dan menerbitkan Standard Pengurusan Harta Edisi 2016. Standard tersebut merupakan panduan kepada pengurus harta menjalankan tugas mereka dengan profesionalisma melalui kepatuhan kepada peraturan dan kod etika pengamal pengurusan harta. Ia turut memudahkan *Joint Management Body* (JMB) dan *Management Corporation* (MC) yang ditubuh di bawah Akta Pengurusan Strata (Akta 757), melaksanakan tugas mereka dalam pengurusan harta berstrata.

Di sini saya ingin sarankan kepada semua Pengurus Harta Tanah supaya merujuk kepada Standard Pengurusan Harta Terbitan 2016 dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Pengurus Harta profesional. Kepada JMB dan MC, Standard Pengurusan Harta Terbitan 2016 adalah bahan rujukan penting untuk memantau tugas Pengurus Harta Tanah yang dilantik.

### **Manual Akreditasi Untuk Institusi Pengajian Tinggi**

Tahun 2016 merupakan kejayaan LPPEH mengeluarkan Manual Akreditasi yang pertama untuk Institusi Pengajian Tinggi. Manual ini menerangkan prosidur dan proses yang perlu diikuti oleh sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi mendapatkan pengiktirafan ke atas program pengajian dalam bidang penilaian, pengurusan harta dan perejeenan harta tanah. Program tersebut adalah di peringkat Ijazah, Diploma Eksekutif dan Diploma. Pengiktirafan diberi di peringkat kelulusan awal (*Provisional Approval*) iaitu ketika IPT mengemukakan permohonan untuk memulakan sesuatu program. Seterusnya apabila pelajar berkenaan berada di tahun akhir pengajian, IPT perlu memohon untuk kelulusan penuh (*Approval*). Perlu diingatkan bahawa, akreditasi program di bawah LPPEH adalah tertakluk kepada kelulusan MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Amatlah penting bagi IPT yang menawarkan program berkaitan bidang ini mendapatkan Akreditasi LPPEH bagi memastikan graduan mereka diterima sebagai Penilai, Pengurus Harta dan Ejen Harta Tanah Percubaan. Ini akan membolehkan mereka menduduki peperiksaan amali untuk menjadi Penilai, Pengurus Harta dan Ejen Harta Tanah Berdaftar.

### **Garis Panduan Program Pemajuan Profesional Berterusan (*CPD Guidelines Edition 2016*)**

Pada tahun 2016, LPPEH turut mengemaskini garis panduan Program Pemajuan Profesional Berterusan yang diterbitkan pada tahun 2005 dengan Edisi 2016. Edisi ini akan mula digunapakai pada tahun 2017. Keperluan untuk mengemaskini garis panduan ini adalah selari dengan suasana industri harta tanah yang dinamik.

Garis Panduan tersebut seharusnya dijadikan rujukan kepada semua Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah yang ingin memperbaharui kuasa untuk menjalankan amalan masing-masing. Bagi penganjur yang menawarkan program seperti seminar, kursus dan sebagainya serta ingin memohon jam kredit, harus merujuk kepada Garis Panduan ini sebelum membuat sebarang penganjuran. Garis Panduan tersebut dipaparkan di laman web LPPEH.

### **Kempen Kesedaran Amalan Perejean Kepada Rakyat: C.A.M.P (*Cheating, Absconding, Misrepresenting and Profiteering*).**

LPPEH sedar mengenai kekurangan kefahaman peranan Ejen Harta Tanah berdaftar dalam urusan harta tanah di kalangan orang awam berdasarkan aduan ditipu oleh broker haram. Oleh itu, LPPEH telah meneruskan kempen C.A.M.P yang dimulakan pada tahun 2014. Kempen C.A.M.P adalah untuk menimbulkan kesedaran orang ramai ke atas penggunaan Ejen Harta Tanah berdaftar dalam urusan harta tanah dan mendidik mereka supaya berhati-hati dengan amalan haram. Kempen ini adalah salah satu daripada tanggungjawab sosial LPPEH untuk memastikan industri harta tanah sihat dan rakyat sejahtera. LPPEH akan terus melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai satu badan profesional yang sentiasa mendekati dan membantu rakyat. Sukacita saya nyatakan bahawa usaha LPPEH ini tidak sia-sia. Pihak LPPEH telah mendapat maklum balas yang positif hasil daripada kempen C.A.M.P. ini.

### ***Board Information System (BIS)***

LPPEH melangkah ke hadapan untuk menerajui zaman informasi dan teknologi maklumat dengan membangunkan sistem informasi yang dikenali sebagai *Board Information System (BIS)*. Sistem ini merupakan *total business solution* yang merangkumi semua proses kerja LPPEH termasuk fungsi-fungsi berikut. BIS dijangka dapat digunapakai sepenuhnya mulai 2017.

- Pendaftaran syarikat untuk menjalankan bisnes dalam bidang Penilaian, Pengurusan Harta dan Perejean Harta Tanah dan individu yang berdaftar sebagai Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah.
- Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan yang dikendalikan oleh LPPEH.
- Pendaftaran untuk menduduki Ujian Kecekapan Profesional (TPC)
- Permohonan untuk mendapatkan jam kredit bagi memperbaharui kuasa untuk menjalankan amalan.
- Pengurusan Aduan Rakyat
- *E-commerce* - Pembayaran atas talian

## **Penghargaan**

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan LPPEH atas usaha dan kegigihan mereka dan juga penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli-ahli Lembaga atas sumbangan mereka. Tidak ketinggalan juga saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua ahli dari kalangan profesional, akademik dan penjawat awam yang telah memberikan sumbangan yang cukup bermakna. Sesungguhnya tuan dan puan telah menjadikan LPPEH berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dan terus bergerak ke hadapan. Saya yakin LPPEH akan terus menempah kejayaan dan terus maju ke hadapan dalam profesion harta tanah.

**DATUK SR FAIZAN BIN ABDUL RAHMAN**  
 Presiden  
 LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN  
 HARTA TANAH MALAYSIA


# TADBIR URUS DAN AHLI LEMBAGA





# RANGKA KERJA

## TADBIR URUS LPPEH



## **Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah**

Seksyen 9 Akta 242 menyatakan:

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga yang dipanggil Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meteri dan yang boleh mendakwa dan didakwa.
  
- (2) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri:
  - a) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Yang Dipertua Lembaga;
  - b) Enam orang Penilai Berdaftar dari perkhidmatan awam;
  - c) Empat orang Penilai Berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya enam tahun pengalaman profesional sebagai Penilai dan telah dinamakan oleh Institusi Juruukur Diraja (Malaysia) atau badan profesional lain yang diiktiraf dari masa ke semasa oleh Lembaga sebagai mewakili penilai;
  - d) Tiga orang Ejen Harta Tanah Berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya enam tahun pengalaman sebagai Ejen Harta Tanah; dan
  - e) Tiga orang Penilai Berdaftar yang dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga.

Ahli-ahli Lembaga pada 1hb Januari 2015 hingga 31hb Disember 2016:



**Datuk Sr Faizan bin Abdul Rahman  
Yang Dipertua**

M.Sc (Pengurusan Fasiliti dan Penyelenggaraan Aset)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian) (Pengurusan Harta)



**Sr Dr Rahah Binti Ismail**

Ph. D (Kajian Harta)  
M.Sc (Pentaksir Tanah Bandar)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Dr Norzihah Binti Md Zain**

Ph. D (Pengurusan Strategik)  
M.Sc (Pengurusan Sumber  
Manusia)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Nordin Bin Daharom**

M.Sc (Ekonomi Tanah)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Dr Zailan Bt Mohd Isa**

Ph. D (Pengurusan Harta &  
Fasiliti)  
M.Sc (Penilaian Harta &  
Pengurusan)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Huan Cheng Kee**

Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Ahmad Zailan Bin  
Azizuddin**

Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Datuk Sr Sidsapesan  
Sittampalam**

MBA (Harta Tanah)  
Sarjana Muda (Pengurusan Harta  
Tanah) (Kepujian)



**Sr Haji Kamaruzaman Bin  
Jamil**

Sarjana Muda Sains (Kepujian)  
(Pentadbiran Tanah)



**Profesor Madya Sr Dr Wan  
Nor Azriyati Binti Wan Abd  
Aziz**

Ph.D (Perumahan dan  
Perancangan)  
Sarjana Alam Sekitar  
Sarjana Muda (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Foo Gee Jen**

Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Sr Ishak Bin Ismail**

MBA (Pengurusan Strategik)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)  
Diploma Penilaian



**Sr Nizaruddin Bin Hj  
Asmuni**

M.Sc (Pengurusan Projek)  
Sarjana Muda Ukur (Kepujian)  
(Pengurusan Harta)



**Mr Alex Joseph Gomez**

Diploma Hartanah  
Diploma Pengurusan Pemasaran



**Mr Eric Lim Chin Heng**

Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan



**Sr Grace Jennie Chung @ Ng Nyuk**


M.Sc (Pentadbiran Tanah & Pembangunan)  
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pentadbiran  
Tanah



**Sr Donald Lam Joon Onn**

Diploma Penilaian Ukur






# CARTA ORGANISASI LEMBAGA



## CARTA 1: CARTA ORGANISASI


### LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH



## CARTA 2: PEJABAT PENDAFTAR LPPEH







# LEMBAGA DISIPLIN



## LEMBAGA DISIPLIN

Lembaga Disiplin bertanggungjawab bagi segala perkara mengenai kelakuan profesional yang dirujuk kepadanya.

Apabila laporan mengenai salah laku seorang Penilai Berdaftar, Pentaksir Berdaftar, atau Ejen Harta Tanah Berdaftar atau Penilai dan Ejen Harta Tanah percubaan berdaftar diterima daripada Jawatankuasa Penyiasatan Aduan, LPPEH akan mengadakan suatu pendengaran bagi kes-kes tersebut. Semasa pendengaran, Lembaga Disiplin akan menimbangkan atau menyiasat dengan lebih lanjut aduan dan akan membuat perintah seperti berikut:

- (a) Untuk membuang pertuduhan ; atau
- (b) Untuk menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) seksyen 24 Akta 242.

Untuk tahun berakhir 2016 seperti Jadual 1, Lembaga Disiplin telah mendengar sebanyak 201 kes yang dirujuk oleh Jawatankuasa Penyiasatan Aduan. Data perangkaan menunjukkan Lembaga Disiplin lebih cenderung untuk memberikan teguran dan/ atau mengenakan denda terhadap Penilai, Pentaksir atau Ejen Harta Tanah untuk kesalahan perakuan kecil (Jadual 2). Walaubagaimanapun Lembaga Disiplin akan mengenakan tindakan lebih tegas jika kes membabit integriti profesion penilaian atau perejenan.

Apa-apa perintah yang dibuat akan disiarkan di laman web LPPEH bagi membuktikan ketelusan LPPEH serta menunjukkan betapa seriusnya LPPEH dalam menegakkan standard dan integriti ahli-ahli. Ia juga akan menjadi penghalang kepada ahli-ahli dan melindungi imej profesion harta tanah.

Mana-mana ahli yang tidak berpuas hati dengan Perintah yang dibuat oleh Lembaga Disiplin boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Rayuan dimana seorang Hakim Mahkamah Tinggi serta dua orang *assessor* akan mendengar kes. Lembaga Rayuan diberi kuasa dibawah Akta 242 untuk menimbang rayuan dan boleh mengesahkan, menolak atau meminda perintah Lembaga Disiplin.

Perdengaran kes diadakan sebanyak sepuluh (10) kali setahun, di mana Lembaga Disiplin telah membuat keputusan mengikut Seksyen 24 (1) (i) - (vi) Akta 242.

Secara am, kebanyakan kes disiplin yang telah diputuskan selepas pendengaran kes boleh dirumuskan sebagai melibatkan perkara berikut:

- (a) Ejen harta tanah enggan memulangkan wang cagaran;
- (b) Penilai menyediakan laporan penilaian yang tidak mematuhi *Malaysia Valuation Standard*;
- (c) Ejen harta tanah yang tidak mematuhi standard, arahan pekeliling dan garis panduan Lembaga;
- (d) Ejen harta tanah mengenakan fi lebih daripada yang ditetapkan dalam skala fi;
- (e) Representasi palsu dan mengelirukan klien; dan
- (f) Ejen harta tanah mengiklan penjualan dan penyewaan harta tanah di merata tempat tanpa kebenaran.

**JADUAL 1: KES-KES YANG DIDENGAR OLEH LEMBAGA DISIPLIN  
PADA TAHUN 2016**

<b>Perkara</b>	<b>Penilai</b>	<b>Ejen Harta Tanah</b>	<b>JUMLAH</b>
Jumlah kes yang diambil tindakan disiplin	15	186	<b>201</b>
Jumlah kes yang ditolak	Tiada	Tiada	-

**JADUAL 2: PERINTAH YANG DIBUAT OLEH LEMBAGA DISIPLIN**

<b>PERINTAH LEMBAGA DISIPLIN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>RAYUAN KEPADA LEMBAGA RAYUAN</b>
Dibatalkan pendaftarannya	0	0
Penggantungan amalan selama suatu tempoh yang tidak lebih daripada 3 tahun	0	0
Teguran dan merekodkan teguran	2	0
Denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit	106	4
Teguran atau denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>108</b>	<b>4</b>

**\* Kes-kes lain**

24 aduan telah dibuang pertuduhan atas alasan kes tiada merit

65 aduan telah ditangguh untuk dibawa ke tahun 2017 untuk pendengaran kemudian atas sebab tiada dokumen dokumen berkaitan diberi oleh pengadu atau pun ahli berdaftar untuk tindakan selanjutnya.



# LAPORAN JAWATANKUASA KERJA





## **LAPORAN JAWATANKUASA KERJA**

Mengikut seksyen 10A, LPPEH boleh melantik apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan patut oleh LPPEH untuk membantunya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta 242. Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada dua orang atau lebih yang merupakan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang difikirkan patut olehnya dan fungsi jawatankuasa akan ditentukan oleh LPPEH.

LPPEH boleh, secara bertulis, mewakilkan kepada jawatankuasa mana-mana fungsinya selain fungsi yang dikehendaki oleh Menteri secara nyata melalui kaedah-kaedah supaya dilaksanakan oleh LPPEH.

## JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)



Datuk Sr Faizan bin Abdul Rahman  
Pengerusi

Fungsi utama EXCO adalah sebagai penghubung antara Lembaga dan pengurusan dalam memastikan strategi-strategi perniagaan, urusan harian dan sebarang isu operasi dilaksanakan secara berkesan dan cekap disamping mematuhi amalan tadbir urus yang terbaik.

Komposisi Exco terdiri dari Presiden dan empat orang ahli Lembaga.

Bagi tahun kewangan yang dilapor, Exco telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali dan agenda mesyuarat termasuk:

- (a) menyemak penyata kewangan bulanan;
- (b) meluluskan permohonan bagi membuka firma;
- (c) mengesahkan keputusan peperiksaan individu dalam bidang penilaian dan perejenan;
- (d) menetapkan polisi-polisi bagi memastikan keberkesanan pengurusan dan kawal selia Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah;

## JAWATANKUASA AMALAN PENILAIAN



Sr Dr Rahah binti Ismail  
Pengerusi

Fungsi utama Jawatankuasa Amalan Penilaian adalah untuk menetapkan dasar amalan Penilai termasuk mengkaji dan menyelidik perkembangan dan aktiviti amalan antarabangsa dan amalan terbaik bagi kemajuan Penilai-penilai berdaftar.

Jawatankuasa ini turut memberi nasihat kepada badan-badan korporat, agensi-agensi kerajaan dan individu-individu yang ingin mendapat penjelasan mengenai amalan seorang Penilai.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali untuk membincangkan berkenaan amalan penilaian seperti berikut:

- (a) Membuat kajian ke atas skala fi untuk amalan penilai iaitu yang boleh dicajkan oleh seorang Penilai Berdaftar.
- (b) Perbincangan mengenai Standard Amalan Penilaian Antarabangsa.
- (c) Kajian ke atas Sistem Penilaian Automatik dalam amalan penilaian harta tanah.

- (d) Isu berkaitan dengan Penilaian Atas Talian.
- (e) Isu pengalaman kerja yang diperlukan bagi pelantikan Penilai Berdaftar sebagai Pengapit Hakim dalam kes rujukan mahkamah di Mahkamah Tinggi.
- (f) Isu mengenai arahan Ambank yang bertentangan dengan peruntukan yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara 1965.
- (g) Berdialog dengan *Malaysian Accounting Standard Board* (MASB) mengenai *Accounting Standard*.

## JAWATANKUASA PENGURUSAN HARTA



Sr Ishak bin Ismail  
Pengerusi

Selari dengan kepesatan ekonomi dalam bidang pembangunan harta tanah, berstrata yang melibatkan pelbagai jenis skim strata seperti rumah bertingkat, pangsa kos rendah dan sederhana, pangsapuri, kondominium serta kompleks komersial strata yang dibina diseluruh negara maka keperluan seorang Pengurus Harta profesional semakin bertambah.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pengurusan Harta membuat penyelidikan dan kajian semua aspek amalan terbaik pengurusan harta didalam usaha meningkatkan keberkesanan kemahiran pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata selari dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) serta Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242) di kalangan Pengurus Harta berdaftar. Jawatankuasa Pengurusan Harta juga telah menentukan dasar dan hala tuju seorang Pengurus Harta serta menggalakan amalan terbaik digunakan oleh semua Pengurus Harta. Jawatankuasa juga telah mencadangkan bentuk penyelesaian efektif terhadap masalah-masalah yang sering dihadapi oleh seorang Pengurus Harta didalam melaksanakan tugas pengurusan dan penyenggaraan harta bersama.

Bagi tujuan meningkatkan tahap pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam bidangnya, Jawatankuasa Pengurusan Harta telah mengeluarkan satu piawaian minimum yang harus dipatuhi oleh seluruh pengurus harta berdaftar dikenali sebagai *Malaysian Property Management Standards* pada tahun 2016.

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah:

- (a) Melaksanakan dasar dan hala tuju seorang Pengurus Harta serta menggalakan amalan terbaik digunakan oleh mereka;
- (b) Mencadangkan penyelesaian bagi permasalahan yang sering dihadapi oleh seorang Pengurus Harta dalam melaksanakan tugas mereka;
- (c) Menjalankan penyelidikan dan kajian semua aspek amalan terbaik pengurusan harta; dan
- (d) Mengusahakan bagi meningkatkan keberkesanan kemahiran pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata selari dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 serta Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta tanah 1981 di kalangan Pengurus Harta Berdaftar.

## JAWATANKUASA AMALAN PEREJENAN



Encik Eric Lim Chin Heng  
Pengerusi

Jawatankuasa Amalan Ejen Harta Tanah ditubuhkan untuk memastikan supaya profesion Ejen Harta Tanah dapat mengekalkan nilai profesionalismanya terutamanya di era teknologi ini.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:

- (a) Membentang dan membuat perbincangan mengenai isu-isu semasa berkaitan dengan amalan Ejen Harta Tanah;
- (b) Perbincangan dengan badan-badan korporat sekiranya disyaki melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah;
- (c) Membuat cadangan kepada Lembaga sekiranya ada keperluan untuk mengkaji Akta, Kaedah-kaedah dan Standard dan lain lain perkara yang berkaitan dengan industri harta tanah dan profesional Ejen Harta Tanah;

Pada tahun 2016, Jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut.

## JAWATANKUASA PROGRAM PEMAJUAN PROFESIONAL BERTERUSAN



Sr Dr Zailan binti Mohd Isa  
Pengerusi

Bagi memastikan semua Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Berdaftar sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang Harta Tanah, LPPEH memantapkan syarat-syarat bagi pembaharuan amalan mereka. Semua Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Berdaftar yang ingin membaharui kuasa untuk menjalankan amalan dimestikan menghadiri 10 jam kredit Program Pemajuan Profesional Berterusan (PPPB).

Jam kredit merupakan tempoh masa atau jam yang diberi akreditasi bagi sesuatu aktiviti atau program pemajuan profesional.

Bagi maksud memudahcara dan memantau pemberian jam kredit PPPB, Jawatankuasa Program Pemajuan Profesional Berterusan ditubuh pada tahun 2001. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:

- (a) Mempertimbangkan permohonan daripada penganjur PPPB bagi mendapatkan kelulusan dan bilangan jam kredit daripada penganjur PPPB.
- (b) Mempertimbangkan dan memberi bilangan jam kredit kepada permohonan daripada penilai, pentaksir dan ejen harta tanah berdaftar yang telah menghadiri PPPB yang tiada jam kredit.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa ini telah mengadakan sebelas (11) kali mesyuarat bagi membuat keputusan.

Ahli-ahlinya terdiri daripada Ahli Lembaga, Pensyarah, Penilai perkhidmatan awam dan swasta.

Jawatankuasa ini telah menerima 228 permohonan daripada institusi serta organisasi dan 96 daripada Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah berdaftar bagi persidangan, seminar, ceramah dan bengkel.

**JADUAL 3: PERMOHONAN UNTUK Program Pemajuan Profesional Berterusan (PPPB) PADA TAHUN 2016**

	<b>INDIVIDU</b>	<b>ORGANISASI</b>
DILULUSKAN	75	190
DITOLAK	7	18
PENANGGUHAN	12	20
RAYUAN	2	-
<b>JUMLAH PERMOHONAN</b>	<b>96</b>	<b>228</b>

(Sumber: LPPEH 2016)

Jawatankuasa turut mengkaji semula Garispanduan Permohonan PPPB di Port Dickson pada 8 hingga 10 Oktober 2016. Garispanduan tersebut dinamakan sebagai Garis Panduan Program Pemajuan Profesional Berterusan yang berkuat kuasa pada Januari 2017. Ianya boleh dimuat turun daripada laman web LPPEH di [www.lppeh.gov.my](http://www.lppeh.gov.my) secara percuma. Semua organisasi yang menganjurkan seminar serta pohon jam kredit diminta merujuk kepada garispanduan tersebut.

## JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PENDAFTARAN



Sr Nordin Bin Daharom  
Pengerusi



Jawatankuasa Peperiksaan dan Pendaftaran ditubuhkan bagi mengurus peperiksaan professional yang dikendalikan oleh LPPEH.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:

- (a) Menjalankan peperiksaan profesional untuk Ejen Harta Tanah dan Penilai untuk berdaftar dengan Lembaga;
- (b) Membuat pemilihan pemeriksa dan penggubal soalan-soalan peperiksaan;
- (c) Mengkaji semula sukatan pelajaran mengikut keperluan semasa;
- (d) Mempertimbangkan permohonan untuk mendaftar sebagai Penilai dan/atau Ejen Hartatanah Percubaan;
- (e) Mempertimbangkan permohonan untuk mendaftar sebagai Penilai dan/atau Ejen Harta Tanah Berdaftar.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa ini telah mengadakan enam (6) mesyuarat bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut.

## PERBANDINGAN KEPUTUSAN PEKERIKSAAN EJEN HARTA TANAH BAHAGIAN 1 DAN 2 BAGI TAHUN 2016



## JAWATANKUASA UJIAN KECEKAPAN PROFESIONAL



Sr Dr Rahah binti Ismail  
Pengerusi

Jawatankuasa Ujian Kecekapan Profesional telah ditubuhkan bagi memastikan tahap kecekapan profesional Penilai dan Ejen Harta Tanah Percubaan sebelum diterima sebagai profesional berdaftar.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:

- (a) Memeriksa diari, buku log dan tugas praktikal daripada Penilai dan Ejen Harta Tanah Percubaan.
- (b) Menguruskan temuduga untuk calon yang ingin menduduki ujian kecekapan professional.
- (c) Mempertimbangkan permohonan untuk pengecualian sebahagian dari ujian kecekapan profesional untuk calon percubaan yang mempunyai pengalaman bekerja selama 10 tahun dibawah kawalselia Penilai, Pengurus Harta dan/atau Ejen Harta Tanah Berdaftar.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali untuk mempertimbangkan dan membincangkan permohonan yang diterima daripada pemohon.


**JADUAL 4: KEPUTUSAN UJIAN KECEKAPAN PROFESIONAL PENILAI  
BAGI TAHUN 2016**

<b>BULAN</b>	<b>LULUS</b>	<b>LULUS SEBAHAGIAN</b>
Januari	3	6
Mac	5	13
April	1	4
Mei	4	2
Jun	1	10
Julai	3	4
Ogos	1	2
Oktober	3	6
November	9	14
Disember	2	4
<b>JUMLAH</b>	<b>32</b>	<b>65</b>


**JADUAL 5: KEPUTUSAN UJIAN KECEKAPAN PROFESSIONAL  
PEREJENAN HARTA TANAH BAGI TAHUN 2016**

<b>BULAN</b>	<b>LULUS</b>	<b>LULUS SEBAHAGIAN</b>
Mac / April	11	11
Jun	-	10
September	5	3
Oktober / November	9	9
Disember	0	4
<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>	<b>37</b>

**CARTA 5: STATISTIK UJIAN KECEKAPAN PROFESIONAL (TPC) PENILAI 2016**



**CARTA 6: STATISTIK UJIAN KECEKAPAN PROFESIONAL (TPC) EJEN HARTA TANAH 2016**



## JAWATANKUASA AKREDITASI



Sr Dr Norziha binti Md Zain  
Pengerusi

Jawatankuasa Akreditasi ditubuhkan bagi memberi akreditasi kepada program pengajian berkaitan dengan penilaian, perejeenan dan pengurusan harta yang ditawarkan oleh institusi tujuan akreditasi adalah bagi menjamin kualiti pengajian tersebut dari segi profesionalisma pengajian tinggi awam dan swasta.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:

- (a) Menyemak dan mempertimbangkan pengiktirafan sama ada program yang ditawarkan kepada orang awam.
- (b) Mengkaji untuk memberi pengecualian kepada semua institusi bagi subjek yang dipohon.
- (c) Mengkaji syarat kemasukan, tempoh program dijalankan, kandungan kurikulum dan struktur, silibus, jumlah jam kredit dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu program itu.
- (d) Mempertimbangkan permohonan daripada pelajar untuk pemindahan kredit bagi tujuan melanjutkan pengajian dalam program yang telah diberi akreditasi.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa Akreditasi telah mengadakan mesyuarat sebanyak enam (6) kali untuk membincangkan isu-isu berkaitan akreditasi.

**JADUAL 6: PERMOHONAN UNTUK AKREDITASI TAHUN 2016**

No.	Universiti	Kursus	Keputusan
1.	IMPERIA Institute of Technology	Executive Diploma in Real Estate	Diluluskan sementara ( <i>Provisional Approval</i> )
2.	Geomatika University College	Bachelor of Science (Hons) Property and Strata Management	Ditolak
3.	International University of Malaya-Wales (IUMW)	Bachelor of Real Estate Management and Auction	Ditolak
4.	UCSI College (Formerly known as LUX International College)	Executive Diploma in Real Estate	Diluluskan sementara ( <i>Provisional Approval</i> )
5.	Tunku Abdul Rahman University College (TARUC)	Bachelor of Estate Management	Diluluskan
6.	UCSI College (Formerly known as LUX International College)	Diploma in Estate Agency	Ditolak
7.	DOMA College	Executive Diploma in Real Estate Agency	Ditolak
8.	University Tunku Abdul Rahman (UTAR)	Bachelor of Building and Property Management	Ditolak

**JADUAL 7: LAWATAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI UNTUK MENGAUDIT PROGRAM TAHUN 2016**

No.	Universiti	Kursus	Tarikh Lawatan
1.	University of Reading Malaysia (UoRM)	BSc Real Estate	28 Mac 2016
2.	IMPERIA Institute of Technology	- Diploma in Estate Management - BSc (Hons) Real Estate Management & Development 3+0 (in Collaboration with Liverpool John Moores University (LJMU), UK	8 April 2016

## JAWATANKUASA PENYIASATAN ADUAN



Sr Haji Kamaruzaman Bin Jamil  
Pengerusi

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membuat penyelidikan awal aduan yang diterima. Jawatankuasa ini juga akan menemubual, memeriksa dokumen dan merekodkan jenis aduan selepas penyiasatan dan seterusnya melaporkan keputusan kes tersebut kepada Lembaga dalam masa tiga (3) minggu.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa Penyiasatan Aduan menerima 201 aduan terhadap ahli-ahli berdaftar. Daripada jumlah tersebut:

- 24 aduan telah dibuang pertuduhan atas alasan kes tiada merit kerana tiada bukti kukuh;
- 108 aduan telah dibawa kepada mesyuarat disiplin sebagai kes disiplin;
- 65 aduan telah dibawa ke tahun 2017 kerana kes-kes terlibat tiada dokumen-dokumen berkaitan diberi oleh pengadu atau pun ahli berdaftar untuk tindakan selanjutnya.
- 4 aduan telah dirujuk kepada lembaga rayuan untuk pendengaran seterusnya.





# PENYATA KEWANGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN  
EJEN HARTA TANAH MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.


**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(RAFTAH BINTI IBRAHIM)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
24 OGOS 2017



**PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH  
LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH MALAYSIA  
(AKAUN INDUK)**

Kami Sr Dr Rahah binti Ismail dan Sr Haji Nordin bin Daharom yang merupakan Yang DiPertua dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,




.....  
Nama : Sr Dr Rahah binti Ismail

Jawatan : Yang DiPertua

Tarikh : 31 JULAI 2017

Tempat : Kuala Lumpur



.....  
Nama Sr Haji Nordin bin Daharom

Jawatan : Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 31 JULAI 2017

Tempat : Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH MALAYSIA**

Saya, R.Mahaletchumi, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
Diakui oleh penama di atas )  
Di Kuala Lumpur )  
Pada 28 APR 2017 )



Di hadapan saya,



No.10-1, Jalan Bangsar Utama 1,  
Bangsar Utama,  
59000 Kuala Lumpur.

**LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
<b><u>Aset bukan semasa</u></b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	7,459,052	10,106,271
Aset tak ketara	4	21,824	-
Perbelanjaan modal dalam proses	5	122,818	-
		7,603,694	10,106,271
<b><u>Aset semasa</u></b>			
Inventori	6	37,942	-
Belum terima, deposit dan prabayar	7	122,404	129,476
Cukai semasa boleh pulih		-	664
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	8	2,995,370	1,136,951
Tunai dan baki di bank		2,636,878	1,833,096
		5,792,594	3,100,187
<b>Jumlah aset</b>		<b>13,396,288</b>	<b>13,206,458</b>
<b><u>Dana terkumpul</u></b>			
Baki bawa ke hadapan		8,490,528	7,859,205
Lebihan tahun semasa		1,304,152	631,323
		9,794,680	8,490,528
<b><u>Liabiliti bukan semasa</u></b>			
Pinjaman	9	2,870,284	3,933,301
<b><u>Liabiliti semasa</u></b>			
Pendahuluan yuran		235,925	260,450
Belum bayar dan akruan		164,953	201,227
Pinjaman	9	330,446	320,952
		731,324	782,629
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>		<b>13,396,288</b>	<b>13,206,458</b>

**PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
Pendapatan	10	4,458,771	2,616,372
Pendapatan lain	11	1,894,581	1,029,432
Perbelanjaan susut nilai	3	(320,757)	(323,320)
Pelunasan aset tak ketara	4	(5,694)	-
Manfaat kakitangan	12	(1,260,233)	(974,300)
Perbelanjaan operasi lain		(3,278,372)	(1,516,364)
Lebihan daripada operasi Kos kewangan		1,488,296	831,820
		(184,133)	(200,591)
Lebihan sebelum cukai	13	1,304,163	631,229
Cukai		(11)	94
Lebihan selepas cukai		1,304,152	631,323

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari		8,490,528	7,859,205
Lebihan selepas cukai bagi tahun		1,304,152	631,323
Baki pada 31 Disember		<u>9,794,680</u>	<u>8,490,528</u>

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
<b><u>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi</u></b>			
Lebihan sebelum cukai bagi tahun		1,304,163	631,229
Pelarasan untuk :			
Perbelanjaan susut nilai		320,757	323,320
Keuntungan atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		(890,851)	24,487
Harta tanah, loji dan peralatan dihapuskira		81,774	31,818
Perbelanjaan pelunasan		5,694	-
Faedah pendapatan		(58,418)	(2,728)
Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja		<u>763,119</u>	<u>1,008,126</u>
Penambahan inventori		(37,942)	-
Pengurangan/(Penambahan) belum terima, deposit & prabayar		7,072	(85,837)
Pengurangan cukai semasa boleh pulih		664	-
Pengurangan pendahuluan yuran		(24,525)	-
Penambahan belum bayar dan akruan		(36,274)	94,276
Tunai diperolehi daripada aktiviti operasi		<u>672,114</u>	<u>1,016,565</u>
Bayaran cukai		(11)	(13,906)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi		<u>672,103</u>	<u>1,002,659</u>
<b><u>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan</u></b>			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(66,982)	(2,044,914)
Pembelian aset tak ketara		(26,072)	-
Perbelanjaan modal dalam kemajuan		(122,818)	-
Penjualan harta tanah, loji dan peralatan		3,201,075	2,737
Faedah diterima		58,418	2,728
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		<u>3,043,621</u>	<u>(2,039,449)</u>
<b><u>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan</u></b>			
Bayaran balik pinjaman berjangka		(1,053,523)	(288,177)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		<u>(1,053,523)</u>	<u>(288,177)</u>
Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		2,662,201	(1,324,967)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		2,970,047	4,295,014
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember		<u>5,632,248</u>	<u>2,970,047</u>
<b><u>Tunai Dan Kesetaraan Tunai</u></b>			
Tunai dan baki di bank		2,636,878	1,833,096
Simpanan Tetap	9	2,995,370	1,136,951
		<u>5,632,248</u>	<u>2,970,047</u>

# **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

## **1. MAKLUMAT AM**

Lembaga diperbadankan di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah, 1981 (“Akta”) dan bermastautin di Malaysia. Matlamat/kegiatan utama Lembaga di bawah Akta ini adalah:

- a. untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan diterima sebagai ahli;
- b. untuk menyediakan latihan dan pendidikan oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang mengamalkan atau berhasrat mengamalkan kerjaya penilai, pentaksir dan ejen harta tanah;
- c. untuk meluluskan peperiksaan kelayakan, mengawal selia dan memantau pengendalian peperiksaan tersebut;
- d. menentukan dan mengawal kelakuan dan etika professional penilai, pentaksir dan ejen harta tanah dan menetapkan standard amalan profesional;
- e. untuk menggalakkan, dalam apa cara yang difikirkan sesuai, kepentingan kerjaya penilai, pentaksir dan ejen harta tanah di Malaysia;
- f. mengawardkan biasiswa kepada orang yang menjalani kursus-kursus profesional dalam bidang penilaian atau perejean harta tanah atau mana-mana bidang yang berkaitan dan untuk mengawardkan bantuan atau derma untuk menggalakkan profesion;
- g. secara umumnya untuk melaksanakan sebarang usaha yang difikirkan sesuai bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat yang dinyatakan di atas.

Tiada perubahan yang ketara dalam bentuk matlamat/kegiatan utama Lembaga sepanjang tahun kewangan ini.

Pejabat berdaftar Lembaga adalah di A-19-13A, Level 19, Tower A, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1 59000 Kuala Lumpur.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

### **2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

Penyata kewangan Lembaga telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Entiti Persendirian Malaysia (“MPERS”) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa berkuatkuasa 1 Januari 2016.

Penyata kewangan Lembaga telah disediakan berasaskan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan matawang fungsi Lembaga.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

### 2.2. Ringkasan Dasar-Dasar Penting Perakaunan

#### a. Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos, amaun bersih dari cukai barang dan perkhidmatan ("GST"), kecuali apabila amaun GST yang ditanggung tidak boleh pulih daripada kerajaan. Apabila amaun GST yang ditanggung tidak boleh pulih daripada kerajaan, GST diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos perolehan hartanah, loji dan peralatan. Kos sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan bahawa Lembaga akan dapat meraih faedah ekonomi yang berkaitan dengan butiran tersebut di masa hadapan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti.

Kos merangkumi perbelanjaan yang berkait langsung dengan perolehan aset dan sebarang kos lain yang berkait langsung untuk membolehkan aset dibawa kepada keadaan yang mana ia boleh digunakan bagi tujuan yang diinginkan, dan kos pembongkaran serta pemindahan butiran hartanah, loji dan peralatan serta membaik pulih kawasan di mana aset itu diletakkan. Bagi aset yang layak, kos pinjaman dipermodalkan mengikut dasar perakaunan berhubung kos pinjaman.

Apabila bahagian penting loji dan peralatan perlu di ganti berselang, Institut menyusut nilai mereka berasingan berdasarkan jangka hayat kegunaan khusus mereka. Amaun bawaan bersih bahagian yang diganti akan dinyah iktiraf apabila penggantian berlaku. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bilamana kos ditanggung.

Berikutan pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan modal dalam proses tidak disusut nilai sehingga aset sedia untuk digunakan mengikut tujuannya. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk dihapus kira kos setiap aset berdasarkan kadar seperti berikut:

- |                           |     |
|---------------------------|-----|
| • Bangunan                | 2%  |
| • Peralatan pejabat       | 20% |
| • Perabot dan kelengkapan | 10% |
| • Buku rujukan            | 10% |
| • Pengubahsuaian          | 10% |

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak boleh pulih semula.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

### **b. Aset tak ketara – perisian komputer**

Perisian komputer pada mulanya dinyatakan pada kos. Berikutan pemerolehan awal, perisian komputer diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Perisian komputer dinilai sebagai mempunyai hayat guna yang terhad. Perisian komputer dilunaskan pada kadar 20% setahun dan ditaksir untuk rosot nilai bilamana terdapat tanda-tanda yang ia mungkin mengalami rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan. Perbelanjaan pelunasan ke atas perisian komputer diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan perisian komputer dikira sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila perisian komputer ini dinyahiktiraf.

### **c. Rosot nilai aset bukan kewangan**

Pada setiap tarikh pelaporan, Lembaga membuat penilaian sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika ada petanda sedemikian, atau apabila penilaian rosot nilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Lembaga membuat anggaran amaun boleh pulih aset tersebut.

Amaun boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama suatu aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Untuk menaksir rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai ("CGU")).

Dalam menaksir nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan dijana oleh aset, didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Bilamana amaun bawaan aset melebihi amaun boleh pulih, aset diturunkan nilai kepada amaun boleh pulih.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk mengesan sama ada terdapat petanda bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurang. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai sebelumnya itu diiktiraf. Jika demikian, amaun bawaan aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih. Sekiranya kerugian rosot nilai tidak diiktiraf sebelumnya, peningkatan ini tidak boleh melebihi amaun bawaan yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susut nilai. Pembalikkan ini diiktiraf dalam untung atau rugi melainkan jika aset tersebut diukur pada amaun yang dinilai semula, yang mana pembalikkan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

### **d. Inventori**

Inventori seperti penerbitan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dahulu keluar-dahulu. Kos pembelian inventori ditentukan setelah menolak rebat, diskaun dan amaun GST, kecuali apabila amaun GST ditanggung tidak boleh pulih daripada kerajaan, GST diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pembelian inventori. Nilai boleh realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan tolak kos penyelesaian dan anggaran kos-kos yang perlu untuk membuat jualan.

### **e. Tunai dan setara tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan, baki di bank, deposit dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal dalam masa 3 bulan dan pelaburan mudah cair jangka pendek lain yang sedia boleh ditukar kepada amaun tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

### **f. Aset Kewangan**

Lembaga mengiktiraf semua aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

### **(i) Pengelasan dan pengukuran**

Aset-aset kewangan pada mulanya diukur berdasarkan nilai saksama ditambah, dalam kes yang mana aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung.

Aset-aset kewangan dikelaskan ke dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk jualan, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Lembaga mengkategorikan aset kewangannya seperti berikut:

#### **Belum terima**

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai belum terima.

Belum terima pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama, dengan termasuklah amaun GST. Amaun bersih GST boleh pulih dari kerajaan dibentangkan sebagai 'belum terima, deposit dan prabayar' dalam penyata kedudukan kewangan.

Berikutan pengiktirafan awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Hasil dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

### **(ii) Penyahiktirafan aset kewangan**

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila, dan hanya apabila, hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun bawaan dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

### **g. Rosot nilai aset kewangan**

Pada setiap tarikh pelaporan, Lembaga menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan mengalami rosot nilai.

#### **(i) Belum terima dan aset kewangan lain yang dibawa pada kos pelunasan**

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan telah berlaku, Lembaga mempertimbangkan faktor-faktor seperti masalah kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam pembayaran. Kategori aset kewangan yang ditaksir sebagai tidak mengalami rosot nilai secara individu kemudiannya ditaksir untuk rosot nilai mengikut asas kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama. Bukti objektif rosot nilai untuk portfolio belum terima termasuklah pengalaman Lembaga dalam kutipan bayaran, peningkatan dalam bilangan kelewatan pembayaran dalam portfolio yang melepasi tempoh kredit purata dan perubahan yang boleh dilihat dalam keadaan ekonomi tempatan atau negara yang berkait dengan kelalaian atas belum terima.

Sekiranya ada bukti sedemikian, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Kerugian rosot nilai ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan oleh kerugian rosot nilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali jumlah belum terima daripada peserta acara dan persidangan, yuran belum terima dan belum terima lain, yang mana amaun bawaan dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila belum terima perdagangan dan belum terima lain tidak boleh dikumpulkan, ia dihapus kira ke atas akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada keadaan yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan sehingga ke tahap amaun bawaan aset tidak melebihi kos pelunasannya pada tarikh pembalikan. Amaun yang dibalikkan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

### **h. Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kontrak perjanjian yang telah dimeterai dan takrifan liabiliti kewangan.

Lembaga mengiktiraf semua liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

### **(i) Pengelasan dan pengukuran**

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi atau liabiliti kewangan lain. Lembaga mengkategorikan liabiliti kewangannya sebagai liabiliti kewangan lain.

Liabiliti kewangan lain pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dengan amaun GST ditambah termasuklah kos urus niaga secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Amaun bersih GST perlu dibayar kepada kerajaan dibentangkan sebagai 'belum bayar dan akruan' dalam penyata kedudukan kewangan. Liabiliti kewangan lain Lembaga termasuk yuran pendahuluan, belum bayar dan pembiayaan cara Islam.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan dinyah iktiraf dan melalui proses pelunasan.

### **(ii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi tertentu dalam kontrak telah tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan lain daripada peminjam yang sama berserta syarat yang amat berbeza, atau syarat liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, penggantian atau pengubahsuaian seumpamanya dikira sebagai satu penyahiktirafan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu. Perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

### **i. Pengiktirafan pendapatan**

- i. Yuran keahlian perlu dibayar setiap tahun pada permulaan tahun kewangan. Hanya yuran tahunan yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan. Yuran yang berkaitan dengan tempoh selepas tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendahuluan yuran dalam pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- ii. Kemasukan keahlian diiktiraf selepas kelulusan oleh Lembaga. Yuran tahunan dan yuran kemasukan bagi pemohon yang diluluskan selepas tahun kewangan tetapi telah diterima dalam tahun kewangan semasa dikira sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

- iii. Pendapatan daripada acara dan persidangan diiktiraf dalam tempoh perkhidmatan diberikan. Pembayaran pendahuluan yang diterima daripada acara dan persidangan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- iv. Yuran pemprosesan pendaftaran sebagai calon untuk peperiksaan diiktiraf selepas penerimaan. Yuran peperiksaan diiktiraf apabila peperiksaan diadakan.
- v. Pendapatan daripada jualan bahan/penerbitan teknikal diiktiraf apabila kawalan fizikal bahan/penerbitan teknikal itu diserahkan kepada pembeli.
- vi. Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas hasil efektif.

### **j. Cukai**

#### **(i) Cukai semasa**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan perlu dibayar untuk keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

#### **(ii) Cukai tertunda**

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara cukai aset dan liabiliti dengan nilai bawasanya bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali bagi liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh tolak, kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan, hingga ke tahap yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan terhasil daripada perbezaan sementara boleh tolak ini, dan kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan boleh digunakan, kecuali bagi aset cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Amaun bawaan aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan hingga ke tahap yang mana tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda itu digunakan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf akan dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf hingga ke tahap yang mana berkemungkinan keuntungan bercukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda itu digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan dalam tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam penyata untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali jika ia terhasil daripada urusan niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam hal ini cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset cukai tertunda dan liabiliti ofset sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang wujud untuk menolak aset cukai semasa ke atas liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait dengan entiti boleh cukai dan pihak berkuasa cukai yang sama.

### **(iii) Cukai Barang dan Perkhidmatan (“GST”)**

Amaun bersih GST yang merupakan perbezaan antara GST output dan GST input, belum bayar atau belum terima daripada pihak berkuasa tertentu pada tarikh pelaporan, dimasukkan dalam belum bayar atau belum terima yang lain dalam penyata kedudukan kewangan.

### **k. Manfaat kakitangan**

#### **(i) Manfaat jangka pendek kakitangan**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Lembaga. Pampasan jangka pendek ketidakhadiran terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi pampasan ketidakhadiran masa depan. Pampasan jangka pendek ketidakhadiran tak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran tersebut.

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

### (ii) Pelan caruman tetap

Pelan caruman tetap adalah pelan manfaat selepas penggajian yang mana Lembaga membayar caruman tetap kepada entity atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi dari segi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana itu tidak memegang aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana ia berlaku. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia, caruman tersebut dibayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”).

### I. Kos peminjaman

Kos peminjaman dimodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak jika ia secara langsung berkait dengan pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut.

Permodalan kos-kos peminjaman bermula apabila aktiviti menyediakan aset bagi tujuan kegunaannya sedang berjalan, dan kos-kos perbelanjaan dan pinjaman ditanggung. Kos peminjaman dimodalkan sehingga aset-aset tersebut hampir sepenuhnya siap untuk digunakan.

Semua kos peminjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana ia ditanggung. Kos peminjaman merangkumi kos faedah dan kos lain yang ditanggung oleh Lembaga berikutan peminjaman dana.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Lot pejabat pegangan kekal RM	Peralatan pejabat RM	Perabot dan kelengkapan RM	Buku rujukan RM	Pengubahsuaian RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari 2016	9,004,278	322,847	243,633	3,411	1,245,527	10,819,696
Tambahan	-	44,367	4,865	-	17,750	66,982
Pelupusan	(2,547,759)	-	-	-	-	(2,547,759)
Hapus kira	-	-	-	-	(204,435)	(204,435)
Klasifikasi semula	-	(45,354)	-	-	-	(45,354)
Pada 31 Disember 2016	6,456,519	321,860	248,498	3,411	1,058,842	8,089,130

	Lot pejabat pegangan kekal RM	Peralatan pejabat RM	Perabot dan kelengkapan RM	Buku rujukan RM	Pengubahsuaian RM	Jumlah RM
<b>Susut nilai terkumpul</b>						
Pada 1 Januari 2016	323,621	122,556	37,324	3,153	226,771	669,516
Caj bagi tahun	129,130	61,262	24,450	31	105,884	320,757
Pelupusan	(237,534)	-	-	-	(122,661)	(360,195)
Klasifikasi semula	-	(43,909)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2016	215,217	139,909	61,774	3,184	209,994	630,078

Amaun bawaan bersih pada 31 Disember 2016	6,241,302	181,951	186,724	227	848,848	7,459,052
--	-----------	---------	---------	-----	---------	-----------

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

<b>Kos</b>	<b>Lot pejabat pegangan kekal RM</b>	<b>Peralatan pejabat RM</b>	<b>Perabot dan kelengkapan RM</b>	<b>Buku rujukan RM</b>	<b>Pengubahsuaian RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
Pada 1 Januari 2015	2,547,758	142,748	127,478	3,411	204,435	3,025,830
Tambahan	6,456,520	233,994	227,160	-	1,041,092	7,958,766
Pelupusan	-	(53,895)	(111,005)	-	-	(164,900)
Pada 31 Disember 2015	9,004,278	322,847	243,633	3,411	1,245,527	10,819,696

<b>Susut nilai terkumpul</b>	<b>Lot pejabat pegangan kekal RM</b>	<b>Peralatan pejabat RM</b>	<b>Perabot dan kelengkapan RM</b>	<b>Buku rujukan RM</b>	<b>Pengubahsuaian RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
Pada 1 Januari 2015	203,564	116,459	70,600	3,120	102,219	495,962
Caj bagi tahun	120,057	54,711	23,967	33	124,552	323,320
Pelupusan	-	(48,614)	(57,243)	-	-	(105,857)
Pada 31 Disember 2015	323,621	122,556	37,324	3,153	226,771	713,425

Amaun bawaan bersih pada 31 Disember 2016	8,680,657	200,291	206,309	258	1,018,756	10,106,271
---	-----------	---------	---------	-----	-----------	------------

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### 4. ASET TAK KETARA

	2016 RM	2015 RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan pada tahun	26,072	-
Klasifikasi semula	45,354	-
Pada 31 Disember	71,426	-
<b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Pelunasan pada tahun	5,694	-
Klasifikasi semula	43,908	-
Pada 31 Januari	49,602	-
Amaun bawaan bersih pada akhir tahun kewangan	21,824	-

Perisian komputer mewakili kos perisian yang diperolehi. Kos perisian yang diperolehi, termasuk semua kos langsung yang berkaitan dalam menyediakan aset untuk digunakan, dilunaskan pada asas garis lurus dengan kadar 20% setahun.

### 5. PERBELANJAAN MODAL DALAM PROSES

	2016 RM	2015 RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan pada tahun	122,818	-
Pada 31 Disember	122,818	-

Perbelanjaan modal dalam proses mewakili pembangunan perisian. Kos perisian yang diperolehi, termasuk semua kos langsung yang berkaitan dalam menyediakan aset untuk digunakan, tidak dilunaskan sehingga aset sedia digunakan mengikut tujuannya.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### 6. INVENTORI

	2016 RM	2015 RM
Pada kos Penerbitan	37,942	-

Pada tahun kewangan, jumlah inventori yang diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah sebanyak RM49,850.

### 7. BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2016 RM	2015 RM
Belum terima	73,314	56,669
Deposit	13,177	12,700
Prabayar	35,913	60,107
	122,404	129,476

### 8. SIMPANAN TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif yang boleh diterima bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen adalah antara 3.30% hingga 4.30% (2015: 3.25% hingga 4.20%) setahun.

### 9. PINJAMAN CARA ISLAM

	2016 RM	2015 RM
Bayaran balik dalam tempoh kurang setahun	2,870,284	3,933,301
Bayaran balik melebihi tempoh setahun	330,446	320,952
	3,200,730	4,254,253

Lembaga mendapat pembiayaan cara Islam berjumlah RM3.5 juta dalam tahun 2014 untuk membiayai sebahagian daripada pembelian 4 unit lot pejabat di Menara UOA Bangsar. Pembiayaan ini dicagar ke atas 4 unit lot pejabat di Menara UOA Bangsar (Nota 3). Kadar Keuntungan Efektif ("EPR") pembiayaan tersebut adalah 4.45% (2015: 4.2%) setahun. Walau bagaimanapun, EPR tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling ("CPR") iaitu 10.85% setahun. Pembiayaan ini perlu dibayar semula secara ansuran selama 180 bulan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### 10. PENDAPATAN

	2016 RM	2015 RM
Yuran rayuan/penalty lewat bayar	48,500	42,100
Yuran peperiksaan/kecekapan professional	276,600	423,100
Yuran pemprosesan bagi pengecualian	4,500	3,700
Yuran kursus	1,981,865	-
Yuran penganjur perunding	1,171,231	1,131,722
Yuran pendaftaran dan pemprosesan	205,625	252,900
Yuran pendaftaran percubaan ejen harta tanah/penilai	36,200	49,650
Yuran pemasukan semula/pemulihan	12,400	6,800
Yuran pembaharuan	721,850	706,400
	<u>4,458,771</u>	<u>2,616,372</u>

### 11. PENDAPATAN LAIN

Termasuk dalam pendapatan lain adalah yang berikut:

	2016 RM	2015 RM
Majlis konvokesyen	182,120	170,240
Yuran pemprosesan CPD	10,800	9,250
Denda dan kos prosiding	171,500	139,000
Yuran pemprosesan pasaran harta asing	474,600	581,700
Feadah simpanan tetap	58,418	2,728
Jualan penerbitan	6,800	111,388
Keuntungan atas pelupusan lot pejabat	890,851	-
Pendapatan lain	99,492	15,126
	<u>1,894,581</u>	<u>1,029,432</u>

### 12. MANFAAT KAKITANGAN

	2016 RM	2015 RM
Gaji dan elaun	989,999	801,601
Caruman KWSP	137,734	107,680
Caruman PERKESO	13,683	10,251
Bonus	115,260	50,180
Belanja perubatan	3,557	4,588
	<u>1,260,233</u>	<u>974,300</u>

### 13. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

Lebihan sebelum cukai telah diperolehi selepas dicaj /(dikredit):

	2016 RM	2015 RM
Yuran juruaudit	13,533	9,000
Rugi atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan pejabat	81,774	
Utiliti	42,063	
	<u>137,370</u>	<u>9,000</u>

# AKTIVITI- AKTIVITI





## RINGKASAN KEJAYAAN

Sejak daripada penubuhan, LPPEH telah menjalankan berbagai aktiviti untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai profesion penilaian dan ejen harta tanah. Ini adalah bagi memastikan kepentingan orang awam terpelihara terutama sekali di kawasan yang terdapat kepesatan pembangunan. Diantara kejayaan yang telah dicapai oleh LPPEH boleh disenaraikan sebagai berikut:

### (a) Kempen Kesedaran

Setiap tahun LPPEH membuat kempen kesedaran kepada orang awam tentang ejen harta tanah haram (broker) yang sering kali menipu orang awam dan melarikan diri bersama wang cagaran pembeli yang tiada apa-apa perlindungan.



LPPEH menyertai pameran MAPEX untuk tujuan kempen kesedaran amalan penilaian, pentaksiran dan perejean harta tanah yang diadakan di Midvalley pada bulan Oktober.

## (b) Kerjasama Pihak Polis


LPPEH berkerjasama dengan pihak polis untuk membanteras penipuan daripada Ejen Harta Tanah haram (broker). LPPEH sentiasa menerima kes-kes penipuan yang dilakukan oleh Ejen Harta Tanah haram terhadap pembeli atau penjual atau penyewa. Ini adalah kerana LPPEH tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka.




Salah satu fungsi utama LPPEH adalah untuk mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana Penilai, Pentaksir, Pengurus Harta atau Ejen Harta Tanah apabila beliau melanggar kod etika yang ditetapkan dalam Akta 242. Disamping itu LPPEH juga akan mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang menyamar sebagai ahli berdaftar. Untuk membantu ahli-ahli Lembaga serta pegawai-pegawainya LPPEH telah menganjurkan kursus bagi membantu dan mempertingkatkan pengetahuan terhadap penyiasatan dan menjemput seorang pegawai berpangkat DSP dari PDRM dan seorang pegawai dari MACC untuk tujuan tersebut.

**(c) Penerbitan Lembaga**

LPPEH turut menerbitkan Garis Panduan dalam melaksanakan tugas professional termasuk *Malaysian Estate Agency Standards*, *Property Management Standards* dan *Malaysian Valuation Standards*. Penerbitan tersebut adalah sebagai rujukan semua Penilai, Pentaksir, Pengurus Harta dan Ejen Harta Tanah Berdaftar serta pihak kerajaan dan institusi kewangan. Ini memudahkan amalan pendaftar masing-masing serta meningkatkan persefahaman semua pihak yang terlibat dengan Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah tentang amalan mereka.



Piawaian Pengurusan Harta boleh didapati dari LPPEH. Harga senaskah adalah RM 15.00



Manual Akreditasi boleh didapati dari LPPEH. Harga senaskah adalah RM 50.00



Pelancaran Manual Akreditasi dan Standard Pengurusan Harta.

Bagi menjamin kualiti dan keberkesanan profesion pengurusan harta LPPEH telah menyediakan piawaian-piawaian profesional yang bermutu tinggi bagi profesion pengurusan harta.

Pada masa yang sama LPPEH juga menyediakan garis panduan akreditasi untuk membantu institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) dimana ia akan mempercepatkan proses kelulusan program-program yang ditawarkan oleh IPT.

**(d) Konvokesyen**

Setiap tahun LPPEH mengadakan Majlis Konvokesyen untuk Penilai dan Ejen Harta Tanah Percubaan yang berjaya dalam bidang penilaian dan ejen harta tanah. Pada masa yang sama, LPPEH turut memberi tiga (3) anugerah kepada tokoh profesional iaitu Penilai, Pengurus Harta dan Ejen Harta Tanah seperti berikut:

- i) Penilai utama negara;
- ii) Pengurus Harta utama negara; dan
- iii) Ejen Harta Tanah utama negara.

LPPEH turut memberi Anugerah Pelajar Cemerlang kepada empat (4) graduan daripada institusi pengajian tinggi awam seperti berikut:

- i) Diploma Ejen Harta Tanah anjuran Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia;
- ii) Kursus Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- iii) Kursus Sarjana Muda Sains Pengurusan Harta Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
- iv) Kursus Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dari Universiti Malaya (UM);



Konvokesyen dan majlis makan malam tahun 2016 adalah untuk majlis penyampaian sijil bagi Penilai dan Ejen Harta Tanah yang baru.

Seramai 36 Penilai dan 65 Ejen Harta Tanah mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan mereka masing-masing. Pada masa yang sama seramai 87 orang telah mendapat Diploma Perejean Harta Tanah.

(e) **Pendaftaran *Negotiator***

Pada tahun 2014 dan 2015 Lembaga telah membuat keputusan untuk mendaftar *negotiator* dibawah Ejen Harta Tanah yang berdaftar. Ini adalah bertujuan untuk mengawalselia *negotiator berkaitan*. Keputusan tersebut diambil kerana Lembaga menerima banyak aduan dari orang awam terhadap salahlaku *negotiator* yang bekerja dibawah seorang Ejen Harta Tanah berdaftar. Oleh yang demikian Lembaga berpendapat bahawa *negotiator* perlu didaftar bagi memastikan akauntabiliti diambil oleh Ejen Harta Tanah Berdaftar.



Bagi meningkatkan ilmu serta memahami peruntukan-peruntukan undang-undang berkaitan dengan industri harta tanah LPPEH telah menganjurkan beberapa kursus diseluruh Malaysia. Kursus pembangunan perunding harta tanah (CDP) bagi *negotiator* telah diadakan di Kuala Lumpur dan lain-lain negeri.



Peserta Program CDP di Kuala Lumpur



Pendaftaran peserta CDP dan syarahan di Kuching



Syarahana Semasa Program CDP di Kuala Terengganu



Peserta Program CDP di Johor



Peserta Program CDP di Pulau Pinang

**(f) Peperiksaan Ejen Harta Tanah**

Setiap tahun, LPPEH akan mengadakan peperiksaan Ejen Harta Tanah untuk calon-calon yang berkelayakkan. Tujuan peperiksaan ini diadakan untuk membolehkan calon-calon mendaftar sebagai Ejen Harta Tanah Percubaan dan seterusnya menjadi Ejen Harta Tanah Berdaftar.



Peperiksaan Ejen Harta Tanah yang dianjurkan oleh LPPEH bagi calon-calon yang ingin menjadi Ejen Harta Tanah Berdaftar, peperiksaan ini di adakan dari 3 hingga 5 Ogos pada tahun 2016. Seramai 650 calon mengambil peperiksaan ini.

**(g) Mesyuarat tahunan LPPEH**

Setiap tahun LPPEH akan mengadakan mesyuarat tahunan untuk membincangkan agenda-agenda tertentu.



Mesyuarat tahunan



Mesyuarat tahunan LPPEH diadakan di Kuching pada tahun 2016 untuk tiga hari. Dalam mesyuarat ini Lembaga telah membincangkan dengan terperinci pindaan kepada Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 dan kaedah-kaedahnya.

**(h) Mesyuarat Jawatankuasa Pemajuan Profesional Berterusan**

Jawatankuasa Pemajuan Profesional Berterusan telah mengadakan mesyuarat di Port Dickson untuk tiga hari bagi membincangkan pindaan kepada program pemajuan profesional berterusan serta mengemaskini borang-borang yang perlu diguna pakai oleh individu dan pengajar.



Pengerusi serta ahli-ahli Jawatankuasa Pemajuan Profesional Berterusan